Kami adalah bebas daripada Koperasi menurut By-Laws (*on Professional Ethics, Conduct and Practice*) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Accountants' International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards)* ("IESBA Code"), dan kami telah melaksanakan lain-lain tanggungjawab etika menurut By-Laws dan IESBA Code.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KOPERASI LADANG BERHAD (SAMBUNGAN)

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain merangkumi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Koperasi ini tidak meliputi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan kami tidak menyatakan sebarang pendapat ke atasnya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan melaluinya, mempertimbangkannya sama ada Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, hal-hal berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Anggota Lembaga Koperasi sama ada berniat untuk membubarkan Koperasi atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai pilihan lain yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KOPERASI LADANG BERHAD (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah tentang penyata kewangan Koperasi secara keseluruhan, adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami.

Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukanlah satu jaminan pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan sesuatu salah nyata yang ketara apabila wujud. Salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau secara agregat boleh dijangka secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh Anggota Lembaga Koperasi.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI LADANG BERHAD
(SAMBUNGAN)**

Tanggungjawab Juruaudit bagi Penyata Kewangan (Sambungan)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidaktentuan yang ketara, kami dikehendaki untuk menarik perhatian di dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan ke atasnya, sama ada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk mencapai persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai perkara lain, skop dan jangkamasa pengauditan yang dirancang dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan.

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993, di Malaysia, kami juga melaporkan yang pada pendapat kami:

- (a) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod telah disimpan dengan wajar menurut Seksyen 58 Akta Koperasi, 1993,
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2025, adalah menurut Akta, Peraturan-peraturan Pertubuhan Koperasi 2010 di Malaysia, dan Undang-undang Kecil Koperasi, dan
- (c) aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam kesemua segi yang material adalah dinyatakan secara saksama menurut polisi-polisi perakaunan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KOPERASI LADANG BERHAD
(SAMBUNGAN)**

Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada Anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.


AKH & PARTNERS PLT
LLP0030554-LCA (AF002418)
Akauntan-Akauntan Bertauliah

Tarikh: **23 APR 2026**
Kuala Lumpur


TUAN MUHAMAD FIRDAUS BIN TUAN OMAR
No. Kelulusan : SKM(B)0586
Akauntan Bertauliah

KOPERASI LADANG BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2025

KOD		NOTA	2025 RM	2024 RM
ASET BUKAN SEMASA				
Harta Tanah, Loji dan Peralatan				
1007/000	Hartanah pajakan	5	42,681,118	43,412,033
1008/000	Binaan	5	4,028,011	3,696,357
1011/000	Kenderaan	5	1,821,596	2,192,809
1009/000	Mesin dan jentera	5	3,801,983	612,384
1015/000	Peralatan	5	1,429,921	663,462
1013/000	Alat penghawa dingin	5	18,074	18,877
1017/000	Perabot dan kelengkapan	5	5,140	9,777
1021/000	Ubahsuai	5	289,464	307,474
			54,075,307	50,913,173
1040/000	Aset biologi	6	14,358,647	13,397,541
1030/000	Aset geran/bantuan	7	-	-
1070/100	Pelaburan dalam saham siar harga	8	153,427	167,822
1070/200	Pelaburan dalam saham tak siar harga	8	93,248	92,803
1070/100	Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	350,000	-
1050/000	Penyediaan tapak dan infra	10	45,654	3,167
1097/000	Projek dalam pelaksanaan	11	366,823	999,414
1098/000	Akaun deposit koperasi	12	8,561,469	8,121,519
			23,929,268	22,782,266
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA			78,004,575	73,695,439
ASET SEMASA				
2010/000	Inventori	13	3,657,031	5,498,158
2200/000	Penghutang perdagangan	14	10,471,942	9,103,389
2400/000	Pelbagai penghutang dan deposit	15	2,423,816	2,647,485
2009/000	Aset kumpulan wang rizab statutori	16	-	1,000,000
2008/000	Simpanan tetap	17	34,000,000	22,500,000
2006/000	Wang di bank	18	10,778,436	13,169,638
2005/000	Wang di tangan	18	10,475	6,891
JUMLAH ASET SEMASA			61,341,700	53,925,561
JUMLAH ASET			139,346,275	127,621,000

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

KOPERASI LADANG BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2025
(SAMBUNGAN)

KOD		NOTA	2025 RM	2024 RM
DIBIAYAI OLEH:-				
4100/000	Modal saham anggota	19	8,582,397	8,557,209
4200/000	Akaun rizab modal	20	45,393,859	45,393,859
4150/000	Akaun syer ditebus	21	535,003	535,003
4300/000	Akaun rizab nilai saksama	22	(50,658)	95,186
4701/000	Lain-lain kumpulan wang/tabung	23	669,420	694,520
4800/000	Keuntungan terkumpul		27,842,380	26,266,294
KUMPULAN WANG ANGGOTA			82,972,402	81,542,071
4900/000	Kumpulan Wang Rizab Statutori	24	27,332,572	24,749,492
4910/000	Kumpulan wang / tabung bukan anggota	25	458,100	268,000
			27,790,672	25,017,492
LIABILITI BUKAN SEMASA				
3810/000	Pinjaman SKM	26	12,780,259	3,377,601
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA			12,780,259	3,377,601
LIABILITI SEMASA				
3200/000	Pemiutang perdagangan	27	3,892,491	6,119,912
3810/000	Pinjaman SKM	26	584,360	210,493
3704/000	Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	28	234,825	249,152
3705/000	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	29	117,413	124,576
3700/000	Dividen dicadangkan	30	5,126,091	4,692,794
3600/000	Honorarium Lembaga	31	150,000	150,000
3890/000	Wakalah zakat	32	57,716	68,170
3600/000	Pelbagai pemiutang dan akruan	33	5,640,046	6,068,739
JUMLAH LIABILITI SEMASA			15,802,942	17,683,836
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI			139,346,275	127,621,000

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

KOPERASI LADANG BERHAD
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN SEMASA		11,822,534	12,460,025
9200/000 (Tolak)/Tambah : Pelarasan operasi		(81,261)	(2,432)
Keuntungan bersih selepas pelarasan operasi		11,741,273	12,457,593
TOLAK : PEMBAHAGIAN BERKANUN			
9400/001 Kumpulan wang rizab statutori 22%	24	2,583,080	2,740,670
9400/011 Kumpulan wang amanah pendidikan koperasi 2%	28	234,825	249,152
9400/012 Kumpulan wang amanah pembangunan koperasi 1%	29	117,413	124,576
		2,935,318	3,114,398
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN		8,805,955	9,343,195
TOLAK:			
9501/121 Cukai tahun semasa		554,201	431,392
9501/131 Zakat perniagaan		759,476	590,469
TOLAK: PEMBAHAGIAN LAIN			
9601/101 Dividen atas modal saham 60% (2024: 55%)	30	5,126,091	4,692,794
9601/052 Tabung Pendidikan	23	100,000	100,000
9601/053 Tabung Derma dan Pemberian Tertentu	23	300,000	200,000
9601/301 Honorarium anggota lembaga		150,000	150,000
9601/501 Faedah persaraan kakitangan		236,500	-
9601/502 Faedah persaraan ALK		3,600	-
		7,229,868	6,164,655
Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan		1,576,087	3,178,540
CAMPUR/(TOLAK) : PELARASAN BUKAN OPERASI			
9601/301 Perbelanjaan projek pembangunan ladang terlebih peruntuk		-	2,983
9801/102 Pelarasan bagi pelaburan tak siar harga (2024)		-	539
9801/101 Dividen terlebih peruntuk (tahun 2024)		(1)	(358)
		(1)	3,164
Baki Keuntungan Selepas Pembahagian		1,576,086	3,181,704
4800/000 Keuntungan terkumpul pada awal tahun		26,266,294	23,084,590
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun		27,842,380	26,266,294

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

KOPERASI LADANG BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

			2025 RM	2024 RM
PENDAPATAN				
Pendapatan daripada aktiviti:				
5001/801	Ternakan	34	955,065	403,749
5107/000	Perladangan	35	47,632,710	49,029,095
5001/000	Aktiviti pengguna (Input pertanian)	36	36,972,493	36,902,988
5001/701	Tapak samaian	37	335,921	547,597
5104/000	Hartanah	38	699,750	800,923
5012/000	Operasi dron	39	-	97,531
			86,595,939	87,781,883
Pelbagai pendapatan:				
5100/000	Komisen diterima		-	24
5103/000	Dividen diterima		12,197	12,509
5102/000	Faedah diterima		665,783	420,530
5106/001	Keuntungan pelupusan aset tetap		-	44,000
5108/000	Yuran keanggotaan		3,900	1,850
5111/000	Lain-lain pendapatan		365,931	271,197
			1,047,812	750,110
JUMLAH PENDAPATAN			87,643,751	88,531,993
PERBELANJAAN				
Kos jualan/kos aktiviti:				
8001/801	Ternakan	34	2,985,693	1,936,445
7600/000	Perladangan	35	26,109,050	27,967,440
8001/000	Aktiviti pengguna (Input Pertanian)	36	36,023,163	35,923,405
8001/701	Tapak samaian	37	235,024	349,613
8001/000	Hartanah	38	560,329	602,262
8012/000	Operasi dron	39	-	82,968
			65,913,259	66,862,133

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

KOPERASI LADANG BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025
(SAMBUNGAN)

	NOTA	2025 RM	2024 RM
Perbelanjaan am:			
6500/007 Yuran audit		19,000	18,000
6500/008 Yuran cukai		5,830	5,830
6111/000 Perbelanjaan anggota lembaga	40	969,909	879,102
6400/000 Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		1,749,839	1,288,211
		2,744,578	2,191,143
Pelbagai Perbelanjaan:			
6500/000 Bayaran profesional		21,311	356,701
6100/000 Gaji dan emolumen		3,986,163	3,616,906
6101/000 KWSP, PERKESO dan SIP		700,973	657,090
6102/000 Elaun-elaun tugas luar kakitangan		102,008	118,111
6103/000 Lain-lain faedah kakitangan		323,470	405,638
6200/000 Penyelenggaraan hartanah, loji dan peralatan		211,006	133,794
6600/000 Pentadbiran pejabat		1,098,734	1,257,649
6820/000 Perbelanjaan juruaudit dalam		56,395	57,974
6130/000 Perbelanjaan mesyuarat kawasan		-	246,611
6140/000 Perbelanjaan mesyuarat agung		196,748	131,922
8300/000 Faedah diberi		246	156
6511/000 Bayaran levi (HRD Corp)		17,518	16,700
6710/000 Perbelanjaan harta tetap		31,710	19,440
7600/000 Kos operasi		322,865	-
8403/001 Hapuskira aset/hutang/deposit		90,288	-
8701/001 Aktiviti sampingan koperasi		3,944	-
		7,163,379	7,018,692
JUMLAH PERBELANJAAN		75,821,216	76,071,968
KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN SEMASA		11,822,534	12,460,025

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

KOPERASI LADANG BERHAD
PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG ANGGOTA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Modal Saham Anggota	Akaun Rizab Modal	Akaun Syer Ditebus	Akaun Rizab Nilai Saksama	Lain-Lain Kumpulan Wang/Tabung	Keuntungan Berkumpulan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2024							
Pada 1 Januari 2024	9,498,850	44,772,582	535,003	69,832	708,720	23,084,590	78,669,577
Pergerakan bersih dalam tahun semasa	(941,641)	621,277	84,356	25,893	(14,200)	-	(224,315)
Pelarasan bukan operasi	-	-	-	(539)	-	-	(539)
Keuntungan selepas pembahagian	-	-	-	-	-	3,181,704	3,181,704
Pada 31 Disember 2024	8,557,209	45,393,859	619,359	95,186	694,520	26,266,294	81,626,427
2025							
Pada 1 Januari 2025	8,557,209	45,393,859	619,359	95,186	694,520	26,266,294	81,626,427
Pergerakan bersih dalam tahun semasa	25,188	-	(84,356)	(145,844)	(25,100)	-	(230,112)
Pelarasan bukan operasi	-	-	-	-	-	-	-
Keuntungan selepas pembahagian	-	-	-	-	-	1,576,086	1,576,086
Pada 31 Disember 2025	8,582,397	45,393,859	535,003	(50,658)	669,420	27,842,380	82,972,402

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

KOPERASI LADANG BERHAD
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan bersih sebelum cukai		11,822,534	12,460,025
Pelarasan Untuk:			
Dividen terlebih peruntuk		(1)	-
Lebihan cukai		26,391	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	5	3,447,255	2,458,812
Pelarasan operasi		(81,261)	-
Pelunasan aset geran/bantuan	7	26,575	2,478
Pelunasan aset biologi	6	1,333,306	1,232,855
Pelunasan tapak dan infra	10	3,708	2,168
Pelunasan projek dalam perlaksanaan		1,375,282	405,573
Penambahan cukai		(211,629)	-
Pendapatan dividen		(12,197)	(12,197)
Pendapatan faedah		(979,062)	(420,530)
Peruntukan rosotnilai pelaburan		(6,703)	(312)
Pindahan keuntungan penjualan bangunan ke rizab modal		-	621,277
Kerugian/(keuntungan) dari pelupusan harta tetap		(64,250)	(113,000)
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja		16,679,948	16,637,149
(Tambahan)/Kurangan inventori		1,841,126	(118,604)
Kurangan penghutang dan pelbagai penghutang		(1,144,884)	4,103,933
Tambahan/(Kurangan) pemiutang dan pelbagai pemiutang		(2,656,114)	5,968,598
Tambahan/(Kurangan) wakalah zakat		284,803	221,425
Tunai diperolehi daripada operasi		15,004,879	26,812,501
Pembayaran cukai		(368,962)	(431,392)
Zakat		(1,054,733)	(795,491)
Tunai bersih daripada aktiviti operasi		13,581,184	25,585,618
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN			
Akaun deposit koperasi	12	(439,950)	(36,295)
Honorarium anggota lembaga		(150,000)	(150,000)
Kumpulan wang amanah pembangunan koperasi	29	(124,576)	(36,295)
Kumpulan wang amanah pendidikan koperasi	28	(249,152)	(72,591)
Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan		(963,678)	(295,181)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

KOPERASI LADANG BERHAD
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025
(SAMBUNGAN)

	NOTA	2025 RM	2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	5	(7,226,059)	(2,860,137)
Jualan hartanah, loji dan peralatan		314,098	573,124
Tambahan aset/geran bantuan	7	(26,575)	-
Tambahan aset biologi	6	(2,294,412)	(1,647,996)
(Kurangan) penambahan projek dalam pelaksanaan		(375,868)	(999,414)
Penambahan saham baru		(350,000)	-
Penyediaan tapak infra		(46,195)	-
Rosotnilai pelaburan saham		(125,191)	-
Dividen diterima		12,197	12,197
Faedah diterima		979,062	420,530
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		(9,138,943)	(4,501,696)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Terimaan modal syer		168,712	120,044
Modal syer dikeluarkan		(143,524)	(1,061,685)
Dividen dibayar		(4,692,794)	(1,683,689)
Kumpulan wang/tabung bukan anggota dikeluarkan		(50,000)	(50,000)
Lain-lain kumpulan wang/tabung dikeluarkan		(425,100)	(314,200)
Penambahan pinjaman		10,000,000	-
Pembayaran pinjaman		(223,475)	(210,493)
Tunai bersih daripada untuk aktiviti pembiayaan		4,633,819	(3,200,023)
Lebihan/(Kurangan) bersih tunai dan kesetaraan tunai		8,112,382	17,588,718
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		36,676,529	19,087,811
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		<u>44,788,911</u>	<u>36,676,529</u>
Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:			
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	16	-	1,000,000
Simpanan Tetap	17	34,000,000	22,500,000
Wang di tangan dan di bank	18	10,788,911	13,176,529
		<u>44,788,911</u>	<u>36,676,529</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

1 KEGIATAN UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM

Aktiviti utama Koperasi adalah dalam bidang perladangan. Selain daripada itu, Koperasi juga menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan seperti berikut:-

- (a) Input pertanian, seperti baja, racun, peralatan ladang dan lain-lain.
- (b) Ternakan lembu di Ladang Sungai Ambat dan Bukit Keramat.
- (c) Projek burung walit di Ladang Sungai Ambat.
- (d) Tapak semaian di Ladang Sungai Ambat.
- (e) Kontrak kerja-kerja ladang.
- (f) Penyewaan hartanah seperti rumah, kondominium dan tanah.
- (g) Servis dan perkhidmatan operasi dron.
- (h) Pelaburan saham.
- (i) Pemilikan aset.

Pemilikan perniagaan utama Koperasi terletak di No. 2-5-14, Prima Peninsula, Jalan Setiawangsa 11, Taman Setiawangsa, 54200 Kuala Lumpur.

2 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Koperasi telah disediakan berasaskan kepada peruntukan Akta Koperasi, 1993 dan piawaian perakaunan diluluskan MASB untuk Entiti Persendirian.

3 POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Koperasi bertujuan untuk menambah nilai pemegang syer. Tumpuan diberikan kepada keadaan pasaran kewangan yang sukar diramal serta bertujuan untuk meminimumkan kemungkinan kesan yang melembapkan pencapaian kewangan Koperasi. Koperasi beroperasi di dalam garis panduan yang telah diluluskan oleh Lembaga Koperasi dan polisi Koperasi ialah untuk tidak berurusan dalam transaksi spekulatif.

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

3 POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Risiko-risiko kewangan utama yang dihadapi oleh pihak Koperasi dan polisi-polisi yang berkaitan dengan aktiviti perbendaharaan adalah seperti berikut:-

(a) Risiko kadar berfaedah

Pinjaman dan simpanan tetap Koperasi terdedah kepada risiko kadar faedah. Objektif mempelbagaikan kadar faedah pinjaman ialah untuk mengurangkan kesan kenaikan kadar faedah sementara membolehkan Koperasi memperoleh faedah daripada kejatuhan kadar faedah.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Risiko kredit dikawal dengan penggunaan permohonan kredit, tahap kredit dan langkah-langkah pemantauan. Ini dilakukan melalui rujukan Penggredan Kredit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan utama. Dalam ketiadaan yang di atas, kajian kredit dalaman dilakukan jika risiko kredit adalah besar.

(c) Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul bagi kedudukan Koperasi akibat daripada perubahan yang merugikan dalam paras harga pasaran. Risiko ini diawasi dengan meletakkan had pelaburan di dalam saham disiar harga kepada peratusan tertentu terhadap aset Koperasi.

(d) Risiko kecairan tunai

Pendedahan Koperasi kepada risiko kecairan aliran tunai dikendalikan dengan cara mempelbagaikan sumber pembiayaan dan menjadualkan pembayaran hutang kepada beberapa peringkat kematangan.

Objektif untuk kematangan hutang ialah untuk memastikan amaun yang matang di dalam sesuatu tahun tidak melebihi daripada kebolehan Koperasi untuk membayar atau melalui pembiayaan semula.

4 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Koperasi ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan dan selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan yang diiktiraf di Malaysia.

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

4 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(a) Asas perakaunan (Sambungan)

Penyata kewangan Koperasi telah disediakan menurut peruntukan Akta Koperasi, 1993 dan kaedah-kaedah dibawahnya.

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

i) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan. Sebarang lebihan disebabkan oleh penilaian dikreditkan terus kepada rizab modal.

Amaun bagi hartanah, loji dan peralatan adalah disemak pada tarikh kunci kira-kira untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda pengurangan. Jika wujud sebarang tanda-tanda tersebut, amaun bolehpulih aset tersebut akan dianggarkan. Rugi dari pengurangan diiktiraf apabila amaun bagi aset tetap melebihi amaun bolehpulih aset tersebut. Rugi dari pengurangan akan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya, dimana ia akan dimasukkan ke dalam ekuiti. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun bolehpulih, akan dikurangkan oleh amaun tersebut yang telah diiktiraf sebagai susutnilai, dimana tiada nilai yang tertera atau dihapuskan berlaku. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulih, akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan kerugian atas penilaian semula aset, akan diambilkira dalam ekuiti.

ii) Susutnilai

Susutnilai tidak diperuntukan atas tanah milik bebas dan perladangan. Tanah berstatus pajakan disusutnilaikan berdasarkan tempoh pajakan. Untuk hartanah, loji dan peralatan lain, susutnilai dikira supaya menghapuskan kos aset mengikut asas garisan lurus atas tempoh penggunaan aset berkenaan. Kadar susutnilai tahunan adalah:

Bangunan pajakan	99 tahun
Tanah Pajakan Estet Sejana	86 tahun
Tanah pajakan Estet Koperasi Ladang Bukit Keramat	84 tahun
Tanah pajakan Estet Koperasi Ladang Sungai Ambat	81 tahun
Binaan infrastruktur	10 tahun
Ubahsuai	10 tahun
Alat penghawa dingin	6-7 tahun
Kenderaan	5 tahun
Mesin dan jentera	5 tahun
Perabot dan kelengkapan	5 tahun
Peralatan	5 tahun

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

4 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(c) Aset Biologi

Aset biologi Koperasi terdiri daripada tanaman pembawa biologi bagi ladang kelapa sawit, kelapa, petai, durian dan sawah padi. Tanaman pembawa ladang kelapa sawit, kelapa, petai, durian dan sawah padi diukur pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Kos tanaman pembawa terdiri daripada kos pembangunan ladang terkumpul yang ditanggung dari permulaan penanaman anak pokok sehingga matang tanaman yang ditanam. Permodalan pembangunan ladang dan kos operasi lain terhenti apabila bermulanya penuaian komersial, iaitu 5 hingga 7 tahun untuk ladang kelapa sawit, kelapa, petai dan durian. Tanaman pembawa dilunaskan mengikut kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos ditolak nilai bakinya sepanjang anggaran hayat bergunanya seperti berikut:

Ladang durian	25 tahun
Ladang kelapa	25 tahun
Ladang petai	25 tahun
Ladang kelapa sawit	22 tahun

Kaedah pelunasan dan hayat berguna tanaman di setiap kawasan (ditentukan oleh ladang penanaman atau penanaman semula) disemak pada akhir setiap tempoh pelaporan, dan sebarang perubahan dalam anggaran digunakan dibuat pelarasan secara prospektif kepada sepanjang baki hayat berguna tanaman, bermula dalam tempoh semasa.

Apabila tanaman pembawa telah mencapai penghujung hayat bergunanya dan ditanam semula, jumlah bawaan tanaman pembawa lama dinyahiktiraf, dan tanaman pembawa baru dianggap sebagai pengganti tanaman pembawa lama dan dipermodalkan.

(d) Kemosototan nilai aset

Loji dan peralatan dan lain-lain aset tetap termasuk aset tidak nyata adalah disemak untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda kerugian nilai kemosototan. Jika wujud sebarang tanda-tanda tersebut, amaun bolehpulih harta tersebut akan dianggarkan. Kerugian dari kemosototan nilai diiktiraf apabila amaun bagi aset melebihi amaun bolehpulih. Amaun bolehpulih merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai digunakan, yang mana lebih tinggi.

Kerugian dari kemosototan nilai dimasukkan ke dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulih, akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan kerugian atas kemosototan semula aset, akan diambilkira sebagai lebihan penilaian semula dalam ekuiti.

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

4 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(e) Perbelanjaan penanaman baru dan penanaman semula

Perbelanjaan penanaman baru yang mewakili kos keseluruhan yang terjadi sejak dari pembersihan tanah sehinggalah ke tahap penuaian adalah dipermodalkan di bawah perladangan atau kos tanah.

Perbelanjaan penanaman semula yang mewakili kos yang berlaku dalam penanaman semula kawasan tanaman lama, adalah dihapuskan ke penyata pendapatan di tahun di mana ianya berlaku.

(f) Pelaburan

Pelaburan di dalam syer-syer syar harga dinyatakan pada kos dan nilai pasaran bersih yang mana lebih rendah. Dividen dari pelaburan syer-syer syar harga diiktiraf sebagai pendapatan mengikut asas penerimaan.

Pelaburan di dalam syer-syer taksir harga dinyatakan pada kos setelah ditolak peruntukan rosotnilai.

Peruntukan rosotnilai akan dibuat untuk pelaburan yang dijangka akan mengalami kejatuhan berkekalan dalam nilainya.

Pendapatan dari pelaburan tersebut dimasukkan dalam penyata pendapatan jika dan bila diterima.

(g) Projek dalam perlaksanaan

Projek dalam perlaksanaan dipegang untuk potensi manfaat pendapatan dari projek berkenaan. Projek dalam perlaksanaan ini dinyatakan pada kos dan tidak disusutnilaikan. Polisi bagi mengenalpasti kemerosotan nilai aset adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 4(d).

(h) Yuran masuk

Yuran masuk adalah untuk menampung perbelanjaan penubuhan Koperasi dengan memindahkan ke penyata pendapatan tiap-tiap tahun.

(i) Pinjaman berfaedah

Pinjaman berfaedah direkodkan pada jumlah penerimaan ditolak kos transaksi. Kesemua kos pinjaman dikenalpasti sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan dalam tempoh di mana ianya terjadi.

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

4 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(j) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih.

Kos inventori meliputi semua kos belian, kos penukaran dan kos lain yang terlibat untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Nilai boleh realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan di tolak anggaran kos yang diperlukan untuk membuat jualan.

(k) Penghutang Perniagaan dan Pelbagai Penghutang

Peruntukan perniagaan yang diragui dibuat berasaskan anggaran kemungkinan kerugian yang dijangka timbul daripada kutipan yang tidak dapat dibuat ke atas penghutang tertentu.

(l) Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

(m) Perkara-perkara terkecuali

Perkara-perkara terkecuali adalah perkara yang timbul daripada peristiwa atau urusan di luar kegiatan biasa perniagaan dan dijangka tidak akan kerap berlaku.

(n) Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Koperasi mempunyai obligasi semasa akibat daripada peristiwa yang lepas dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran munasabah mengenai jumlah boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa terbaik. Sekiranya kesan daripada nilai wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan dijangka untuk diperlukan bagi menyelesaikan obligasi.

(o) Modal saham anggota

Modal saham anggota dikategorikan sebagai ekuiti.

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

4 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(p) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

(q) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(r) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai di tangan dan di bank, deposit dengan bank berlesen, pelaburan jangka pendek dan mudahniaga serta bank overdraft.

(s) Pengiktirafan pendapatan

Hasil diiktiraf apabila kemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusniaga akan mengalir masuk kepada Koperasi dan jumlah hasil boleh dikira secara munasabah.

i) Jualan hasil ladang dan peralatan

Pendapatan diiktiraf apabila barangan dihantar kepada pelanggan.

ii) Sewa

Pendapatan sewa diiktiraf mengikut jangka masa premis diduduki atau didiami.

iii) Kerja-kerja projek

Pendapatan diiktiraf berasaskan kepada peratusan penyediaan kerja-kerja projek.

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

4 DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(s) Pengiktirafan pendapatan (Sambungan)

iv) Dividen dan faedah

Pendapatan dividen dan faedah dikenalpasti atas dasar akruan.

(t) Instrumen-instrumen kewangan

Instrumen kewangan yang ditunjukkan di kunci kira-kira merangkumi wang di bank dan di tangan, pelaburan, penghutang, pemiutang dan pinjaman. Kaedah pengiktirafan khusus yang diterimapakai, dibentangkan dalam penyata dasar-dasar perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap item berkenaan.

Kos untuk penyediaan tanah pertanian, ladang, pembangunan semula ladang dan penyelenggaraan pokok adalah dipermodalkan dan dilunaskan mengikut anggaran hayat pokok pada masa pokok tersebut matang.

Kos ladang belum matang akan dipindahkan ke akaun ladang apabila pokok tersebut matang. Tempoh ladang adalah berdasarkan pokok yang sedia untuk dipetik dan atas keputusan pihak pengurusan.

(u) Manfaat Pekerja

i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Koperasi. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketidakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

ii) Pelan caruman dinyatakan

Sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang, pihak majikan di Malaysia perlu membuat caruman kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sebagaimana ditanggung.

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Hartanah pajakan RM	Binaan RM	Mesin dan jentera RM	Kenderaan RM	Alat penghawa dingin RM	Peralatan RM	Perabot dan kelengkapan RM	Ubahsuai RM	Jumlah RM
Nilai Kos									
Pada 1 Januari 2025	61,676,398	5,817,032	2,466,755	7,495,305	206,875	3,221,066	149,796	1,174,508	82,207,735
Tambahan dalam									
tahun semasa	-	1,015,444	3,740,400	682,373	4,100	1,117,351	-	49,720	6,609,388
Pelupusan/Jualan	-	-	-	(502,659)	-	(81,464)	-	-	(584,123)
Pada 31 Disember 2025	61,676,398	6,832,476	6,207,155	7,675,019	210,975	4,256,953	149,796	1,224,228	88,233,000
Susutnilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2025	18,264,365	2,120,675	1,854,371	5,302,496	187,998	2,557,604	140,019	867,034	31,294,562
Tambahan dalam									
tahun semasa	730,915	683,790	550,801	1,053,587	4,903	350,892	4,637	67,730	3,447,255
Pelupusan/Jualan	-	-	-	(502,659)	-	(81,464)	-	-	(584,123)
Pada 31 Disember 2025	18,995,280	2,804,465	2,405,172	5,853,423	192,901	2,827,032	144,656	934,764	34,157,693

NILAI BUKU BERSIH

Pada 31 Disember 2025	42,681,118	4,028,011	3,801,983	1,821,596	18,074	1,429,921	5,140	289,464	54,075,307
Pada 31 Disember 2024	43,412,033	3,696,357	612,384	2,192,809	18,877	663,462	9,777	307,474	50,913,173
Susutnilai tahun 2024	736,613	452,467	303,182	658,833	2,779	230,792	5,169	68,977	2,458,812

Nota:

- i) Hartanah pajakan di Lot 777, PM1112 Mukim Serting Ilir, Daerah Jempol Negeri Sembilan dengan nilai baru bersih berjumlah RM7,013,811 (2024: RM7,141,334) telah dicagarkan untuk pinjaman SKM.

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

6 ASET BIOLOGI

2025

Ladang	Pokok Kelapa Sawit RM	Pokok Durian RM	Pokok Kelapa RM	Pokok Petai RM	JUMLAH RM
<u>LADANG MATANG</u>					
Nilai Kos					
Pada 1 Januari 2025	25,217,252	-	-	-	25,217,252
Tambahan dalam tahun semasa	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2025	25,217,252	-	-	-	25,217,252
<u>Pelunasan terkumpul</u>					
Pada 1 Januari 2025	15,843,928	-	-	-	15,843,928
Tambahan dalam tahun semasa	1,333,306	-	-	-	1,333,306
Pada 31 Disember 2025	17,177,234	-	-	-	17,177,234
Pada 31 Disember 2025	8,040,018	-	-	-	8,040,018
<u>LADANG BELUM MATANG</u>					
Nilai Kos					
Pada 1 Januari 2025	2,599,849	877,247	545,146	1,975	4,024,217
Tambahan dalam tahun semasa	2,209,919	-	84,493	-	2,294,412
Pada 31 Disember 2025	4,809,768	877,247	629,639	1,975	6,318,629
Nilai Dasar Bersih pada 31 Disember 2025	12,849,786	877,247	629,639	1,975	14,358,647

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

6 ASET BIOLOGI (SAMBUNGAN)

2024	Ladang					JUMLAH
	Pokok Kelapa Sawit RM	Pokok Durian RM	Pokok Kelapa RM	Pokok Petai RM	RM	
<u>LADANG MATANG</u>						
Nilai Kos						
Pada 1 Januari 2024	25,217,252	-	-	-	-	25,217,252
Tambahan dalam tahun semasa	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2024	25,217,252	-	-	-	-	25,217,252
<u>Pelunasan terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2024	14,611,073	-	-	-	-	14,611,073
Tambahan dalam tahun semasa	1,232,855	-	-	-	-	1,232,855
Pada 31 Disember 2024	15,843,928	-	-	-	-	15,843,928
Pada 31 Disember 2024	9,373,324	-	-	-	-	9,373,324
<u>LADANG BELUM MATANG</u>						
Nilai Kos						
Pada 1 Januari 2024	1,114,969	853,374	405,903	1,975		2,376,221
Tambahan dalam tahun semasa	1,484,880	23,873	139,243	-		1,647,996
Pada 31 Disember 2024	2,599,849	877,247	545,146	1,975		4,024,217
Nilai Dasar Bersih pada 31 Disember 2024	11,973,173	877,247	545,146	1,975		13,397,541

(Tempoh kos ladang pokok kelapa sawit belum matang selama 3 tahun. Kos ladang matang pokok kelapa sawit ini telah dilunaskan mengikut tempoh jangka hayat usiaguna pokok selama 22 tahun.)

KOPERASI LADANG BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

7 ASET GERAN/BANTUAN

	2025 RM	2024 RM
<u>Kos</u>		
Pada 1 Januari/31 Disember	235,230	235,230
Penambahan tahun semasa	-	-
	235,230	235,230
 <u>Pelunasan terkumpul</u>		
Pada 1 Januari	(235,230)	(232,752)
Pelunasan tahun semasa	-	(2,478)
Pada 31 Disember	(235,230)	(235,230)
 Baki pada 31 Disember	-	-

8 PELABURAN SAHAM

a) Pelaburan dalam saham siar harga

2025

Kos

	Bilangan unit	Kos seunit RM	Jumlah kos RM
PWF Corporation Bhd	191,796	1.06	203,640
PWF Corporation Bhd - warrant	39,667	-	-
			203,640

Rosotnilai terkumpul

PWF Corporation Bhd	(50,213)
---------------------	----------

Baki pada 31 Disember	153,427
-----------------------	---------

Harga Pasaran pada RM0.80 seunit	153,427
